

HONG LEONG BANK BERHAD KEMPEN “TARGETED SPENDERS” KAD DEBIT HONG LEONG

TEMPOH KEMPEN

1. “**Kempen Targeted Spenders**” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula dari **29 Mei 2017** dan berakhir pada **2 Julai 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Promosi”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Promosi adalah seperti berikut

KELAYAKAN

2. Promosi ini terbuka kepada Pemegang Kad Debit Hong Leong terpilih dan yang telah menerima Khidmat Pesanan Ringkas (“SMS”) daripada HLB (“Pemegang Kad yang layak”).
3. Pemegang kad berikut **TIDAK** layak menyertai Promosi:
 - (a) Pemegang kad yang tidak menerima SMS;
 - (b) Kad Debit-i Islamic Hong Leong;
 - (c) Kad Debit Mach Hong Leong;
 - (d) Memiliki Kad Debit HLB yang **TIDAK** dikeluarkan di Malaysia;
 - (e) Akaun Kad Debitnya **TIDAK** berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada Akaun Semasa atau Simpanan yang sudah ditutup atau tak aktif atau melanggar mana-mana syarat dan terma HLB pada bila-bila masa dalam Tempoh Promosi;
 - (f) Akaun Kad Debitnya dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debitnya tak sah atau dibatalkan menurut takrif HLB pada bila-bila masa dalam Tempoh Promosi;
 - (g) Telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen sama ada oleh bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi; dan
 - (h) Pelanggan Perbankan Persendirian HLB.

KAEDAH PROMOSI

4. Kategori Bukan Pembelanja

- a. Kategori Bukan Pembelanja terdiri daripada 4 kumpulan mingguan seperti berikut :
 - i. Minggu 1 : 29 Mei 2017 – 4 Jun 2017
 - ii. Minggu 2 : 5 Jun 2017 – 11 Jun 2017
 - iii. Minggu 3 : 12 Jun 2017 – 18 Jun 2017
 - iv. Minggu 4 : 19 Jun 2017 – 25 Jun 2017
- b. Setiap minggu, Pemegang Kad yang layak adalah layak mendapat Pulangan Tunai RM1 bagi setiap Transaksi Runcit Tempat Jualan (“POS”) tempatan yang berjaya (sepertimana ditakrif dalam **Fasal 6** di dalam ini) dengan perbelanjaan minimum RM10 setiap transaksi menggunakan Kad Debit Hong Leong dan Transaksi Runcit POS tempatan itu hendak dilakukan pada tarikh tertentu yang disebut dalam SMS sahaja.
- c. Setiap Pemegang Kad layak mendapat Pulangan Tunai maksimum RM5 sepanjang Tempoh Promosi.

Contoh penjadualan kelayakan Pulangan Tunai ditunjukkan di bawah:-

Tarikh	Amaun Transaksi Berjaya	Pulangan Tunai
30-Mei-17	RM15	RM1
30-Mei-17	RM60	RM1
30-Mei-17	RM35	RM1
30- Mei-17	RM8	-*
30- Mei-17	RM120	RM1
30-Mei-17	RM48	RM1
30-Mei-17	RM65	-**
30-Mei-17	RM47	-

Perhatian:

* Pemegang kad tidak mendapat Pulangan Tunai bagi transaksi bawah RM10.

** Setiap Pemegang Kad yang layak boleh mendapat Pulangan Tunai maksimum RM5 sahaja.

- d. Jumlah dana Pulangan Tunai bagi Kategori Bukan Pembelanja ialah RM400,000 dan akan diberi atas dasar siapa cepat dia dapat.

Di bawah ini ialah perincian dana Pulangan Tunai mengikut minggu:-

Minggu	Tempoh	Jumlah Pulangan Tunai
1	29 Mei 2017 – 4 Jun 2017	RM100,000
2	5 Jun 2017 – 11 Jun 2017	RM100,000
3	12 Jun 2017 – 18 Jun 2017	RM100,000
4	19 Jun 2017 – 25 Jun 2017	RM100,000

5. Kategori Pembelanja Rendah

- a. Kategori Pembelanja Rendah terdiri daripada satu (1) kumpulan bagi tempoh 26 Jun 2017 – 2 Julai 2017.
- b. Sepanjang minggu, Pemegang Kad yang layak adalah layak mendapat Pulangan Tunai RM5 selepas sahaja mereka melakukan tiga (3) Transaksi Runcit POS tempatan yang berjaya (sepertimana ditakrifkan dalam **Fasal 6** di dalam ini) dengan perbelanjaan minimum RM20 setiap transaksi menggunakan Kad Debit Hong Leong dan Transaksi Runcit POS itu perlu dilakukan pada tarikh tertentu yang disebut dalam SMS sahaja.
- c. Contoh penjadualan kelayakan Pulangan Tunai ditunjukkan di bawah:-

Tarikh	Amaun Transaksi	Pulangan Tunai
28-Jun-17	RM30	-
28-Jun-17	RM50	-
28-Jun-17	RM84	RM5*
28-Jun-17	RM96	-
28-Jun-17	RM76	-
28-Jun-17	RM14	-

Perhatian: *Pulangan Tunai diberi sebaik sahaja Pemegang Kad yang layak menyempurnakan tiga (3) transaksi POS tempatan yang berjaya dengan perbelanjaan minimum RM20 setiap transaksi pada tarikh yang ditetapkan. Tiada lagi Pulangan Tunai akan diberi bagi sebarang transaksi POS tempatan yang berikutnya.

- d. Jumlah dana Pulangan Tunai bagi Kategori Pembelanja Rendah ialah RM100,000 dan akan diberi kepada 20,000 Pemegang Kad yang layak pertama yang menepati syarat dalam **Fasal 5b)**

6. Bagi tujuan Promosi ini, Transaksi Runcit POS tempatan bermaksud pembelian runcit yang dilakukan menerusi Tempat Jualan di mana-mana saluran runcit beroperasi di dalam Malaysia dalam mata wang **Ringgit Malaysia (RM)** sahaja (“Transaksi Layak”) tetapi **TIDAK TERMASUK**:
 - (a) Pembelian dalam talian;
 - (b) Pengebilan Automatik;
 - (c) Pesanan Mel Pesanan Telefon (MOTO)
 - (d) Tambah nilai Touch ‘n Go;
 - (e) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (f) Bayaran fi pengeluaran / fi tahunan / fi pembaharuan Kad Debit Hong Leong; atau
 - (g) Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk caj penalti) yang dikenakan oleh HLB.
7. Hanya Transaksi Layak yang berjaya sahaja sepertimana ditetapkan dalam **Fasal 6** di atas yang berjaya direkodkan dan dicatatkan dalam Akaun Semasa atau Simpanan (“CASA”) Pemegang Kad layak mendapat Pulangan Tunai.
8. Setiap Pemegang Kad yang layak hanya layak mendapat SATU (1) kali Pulangan Tunai sepanjang Promosi.
9. Jika sekiranya berlaku seri (contohnya, apabila waktu transaksi Pemegang Kad yang layak berkenaan adalah sama) maka Pemegang Kad yang layak yang nilai transaksinya paling tinggi akan layak mendapat Pulangan Tunai.
10. Pemegang Kad yang layak Debit Hong Leong dan CASA berkenaan masing-masing mesti kekal sah dan aktif sehingga Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA, jika tidak Pulangan Tunai berkenaan akan dilupakan.
11. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA Pemegang Kad yang layak dalam masa lapan (8) minggu selepas tamatnya Tempoh Promosi (“Pemegang Kad Berjaya”).
12. SMS akan dihantar kepada Pemegang Kad Berjaya sebaik sahaja Pulangan Tunai dikreditkan ke dalam CASA mereka (“Pemberitahuan”). Bagi mengelakkan keraguan, Pemegang Kad yang layak wajib memberikan maklumat hubungan mereka yang terkini dan tepat (iaitu nombor telefon bimbit dan/atau nombor telefon) kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya Pemegang Kad Berjaya tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab sekalipun.
13. Jika Pemegang Kad Layak tidak menerima pemberitahuan melalui SMS daripada HLB selewat-lewatnya minggu ke-8 setelah tamatnya Tempoh Promosi, maka Pemegang Kad yang layak dianggap **BUKAN** Pemegang Kad Berjaya dalam Promosi.
14. Pemegang Kad Berjaya adalah bertanggungjawab memberitahu melalui surat kepada HLB atas ketidakterimaan Pulangan Tunai tidak lewat dari satu (1) bulan dari tarikh Pemberitahuan.
15. HLB tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan melayani sebarang Pulangan Tunai yang tidak dituntut selepas jangka masa yang ditetapkan dalam **Fasal 14** di atas.

UMUM

16. Perkhidmatan SMS bagi Promosi ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (“M3Tech”), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
17. Dengan menyertai Promosi, Pemegang Kad yang layak:
 - a. Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma dan Syarat Kad Debit;
 - b. Bersetuju bahawa sebarang pembalikan Transaksi Runcit POS tempatan akan dikecualikan;
 - c. Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;

- d. Bersetuju bahawa HLB tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran atau pemaparan dalam CASA Pemegang Kad Layak tentang Transaksi Runcit POS Tempatan berkenaan yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menerima Pulangan Tunai sepanjang Tempoh Promosi;
 - e. Bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan.
 - f. Bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Promosi, Pulangan Tunai adalah muktamad dan mengikat ke atas mereka dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;
 - g. Memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka, iaitu nombor telefon bimbit kepada M3Tech bagi tujuan Promosi ini;
 - h. Bersetuju nama mereka, Nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), Nombor Kad Debit (dalam bentuk terlindung) dipaparkan dalam Laman Web HLB, Laman Facebook Rasmi HLB dan/atau Saluran YouTube Rasmi HLB untuk tujuan Promosi ini.
18. HLB berhak melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad yang layak atas apa jua sebab sekalipun yang dianggap wajar menurut budi bicaranya yang mutlak daripada menyertai Pulangan Tunai dan/atau layak mendapat Pulangan Tunai.
19. Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma dan Syarat Kad Debit dan/atau mana-mana terma dan syarat berkenaan yang mungkin ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa hendak dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat di dalam ini dengan Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma dan Syarat Kad Debit, maka Terma & Syarat tertentu akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
20. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

Akaun Semasa dan Simpanan yang ditag kepada kad debit adalah layak dilindungi oleh PIDM.